



NOTA PERCAKAPAN

**YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JPM
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS AMANAT YB MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**21 JANUARI 2026 (RABU)
9.00 AM – 10.00 AM
DEWAN SERBAGUNA, MENARA SERI
WILAYAH**

1. Saya nak ucapkan terima kasih kepada semua kerana datang tepat sebelum jam 9 pagi.
2. Setiap hari saudara dan saudari memikul amanah besar untuk memastikan bandar kita berfungsi dengan baik dan kehidupan rakyat berjalan dengan lancar. Kerja ini menjadi asas kepada kepercayaan rakyat kepada kerajaan.
3. Saya nak merakamkan penghargaan saya khasnya kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan kerana sepanjang bulan sejak pelantikan saya sebagai Menteri, saya melihat satu pasukan kepimpinan yang sangat profesional dan sangat proaktif serta memberikan sokongan padu kepada saya dalam melaksanakan amanah ini. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada mereka.
4. Hari ini kali pertama kita bertemu.
5. Sebelum ini mungkin hanya mendengar

nama saya sebagai pembangkang di Wilayah Persekutuan. Tapi saya nak mengambil peluang ini untuk memperkenalkan pasukan saya. Saya tak pasti sama ada mereka di sini atau tidak. Panggil SUSK semua.

6. YB Timbalan Menteri, Datuk Lo, mempunyai ijazah undang-undang dan sebelum ini mempunyai pengalaman menjadi pegawai khas kepada Ketua Menteri Sabah, jadi beliau mempunyai pengalaman memimpin. Pasukan saya, saya ada SUSK saya, Puan Diyana. Diyana SUSK telah bersama saya sejak jadi Timbalan Menteri KPWKM. Dulu beliau pegawai khas kepada Datuk Seri Dr. Wan Azizah. Wary dulu sekarang ini adalah SUS, bersama saya sejak KPWKM.
7. VJ pula PTTK, Puan Normie juga PTTK. Dahulunya PUU KBS, tapi beliau ikut bersama sebagai PTTK. Kemudian saya ada Umi di Parlimen. Ajis Setiausaha Akhbar, beliau dulu Setiausaha Akhbar atau pegawai media untuk FAM dan sekarang

bersama kita di sini.

8. Ini pasukan saya. Saya nak perkenalkan mereka kerana senang untuk berurusan. Kesemua mereka tidak dibenarkan ambil kontrak di JWP dan mereka bekerja dengan kuat dan kalau ada apa-apa masalah boleh maklumkan kepada SUSK.
9. Sedikit mengenai saya, saya 47 tahun sekarang. Saya dilahirkan di Hospital Sentosa Kuala Lumpur. Sehingga 4 tahun saya dibesarkan oleh bapa dan nenek saya di Kampung Chetty, Old Klang Road. Kemudian 4 tahun berpindah ke Subang Jaya dan dari situ sehingga sekarang di Subang Jaya. Tetapi sekarang saya sudah berpindah ke Shah Alam.
10. Saya tak suka protokol yang terlebih dan saya suka program yang pendek-pendek. Jadi kalau program boleh diringkaskan satu jam, yang itu paling elok kerana saya tak nak menyusahkan pegawai kerajaan. Kadang-kadang program satu jam tetapi persediaan

mereka kena datang dua jam lebih awal, jadi tak masuk akal.

11. Saya juga tak suka gula. Kalau pilih gula dan garam, saya pilih garam. Saya sangat takut kepada kucing. Ini adalah trauma sejak kecil kerana pengalaman di kampung, minum air perigi dan pernah ada kucing mati dalam perigi. Sejak itu saya memang fobia kucing.
12. Saya ada dua anak perempuan dan keduanya sekarang di sekolah menengah. Jadi saya masih mempunyai tanggungjawab sebagai ibu, sebab itu kalau boleh saya nak elakkan program waktu malam. Kalau buat program hujung minggu, jangan keduanya supaya semua pegawai ada masa bersama keluarga.
13. Saya nak maklumkan mengenai proses dan keutamaan saya. Seorang menteri biasanya ada masa 3 hingga 5 tahun, tetapi jika dikira sehingga pilihan raya akan datang, saya hanya ada 20 bulan. Jadi keutamaan saya berbeza. Impak mesti boleh dilihat dan

dirasai oleh rakyat.

14. Kepentingan penyelarasan sangat penting. Tahun ini Tahun Melawat Malaysia. MOTAC, KPKT semua ada bajet besar dan banyak program di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tanpa penyelarasan, rakyat terkesan kerana penutupan jalan dan gangguan aktiviti harian. Kita perlukan master kalendar dan perbincangan antara kementerian dan agensi.
15. Yang kedua mengenai integriti dan akauntabiliti. Minggu hadapan kita akan ada MOU dengan SPRM dan kerjasama dengan MyCC. Ini untuk melindungi kita sendiri. Cara kerja yang tidak bersih memang tidak boleh bertahan dalam realiti politik hari ini. Tiada siapa *indispensable*. Kita mesti sentiasa bersedia dan sentiasa bersih.
16. Mengenai bandar milik rakyat. Bandar di Wilayah Persekutuan mesti benar-benar menjadi milik rakyat. Keputusan membuka pagar Padang Merbok bukan semata-mata

mengenai pagar tetapi prinsip bahawa ruang awam adalah untuk rakyat dan perlu mudah diakses.

17. Kita juga perlu melihat bagaimana kita mengira *open space* dan kawasan hijau. Banyak ruang di atas bumbung tetapi tidak mudah diakses oleh rakyat. Jadi kita kena lihat sama ada konsep itu benar-benar memberi manfaat kepada rakyat.
18. Saya perlukan gerak kerja pantas kerana kita hanya ada 20 bulan. Setiap minggu akan ada sidang media dan pembaharuan baru. Saya perlukan semua pegawai bersikap terbuka kepada idea baru kerana dunia semakin berubah.
19. Saya berkongsi pengalaman di Kementerian Belia dan Sukan, bagaimana kelas renang untuk kanak-kanak B40 diwujudkan walaupun pada awalnya dikatakan sukar. Dengan kerjasama pelbagai pihak, kanak-kanak belajar berenang, OKU menjadi atlet para, dan prestasi negara meningkat.

20. Zaman sudah berubah. Malaysia menuju ke arah negara menua. Polisi dan perancangan bandar mesti mengambil kira warga emas. Negara seperti Hong Kong, Korea dan Jepun sudah lama memberi keutamaan kepada isu ini.
21. Akhir sekali, dengan masa yang semakin singkat, kita kena berlari. Kita perlu menilai semula program sedia ada, memberi keutamaan dan memastikan pegawai ada keseimbangan kerja dan kehidupan. Tak kira Ketua Pengarah, Datuk Bandar atau pegawai *junior*, semua berhak kepada masa bersama keluarga.
22. Saya harap semua berani bersuara jika ada masalah. Jangan takut untuk bercakap supaya kita boleh hadapi cabaran bersama.
23. Selamat bertugas kepada pasukan yang baru masuk, selamat menyambut tahun baru, dan terima kasih.